

DEWAN MAJLIS**Rabu, 10 Syaaban 1442 /24 Mac 2021****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.
(Tidak hadir sebelah pagi dan petang atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.,

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Dimulihkan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada pagi ini, iaitu hari yang kesepuluh didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 اللَّهُمَّ الْحَمْدُ لِلَّهِ kerana dengan limpah, rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang kesepuluh dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli- Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang sama-sama kita sedia maklumi

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2021), Perbekalan 2021-2022 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Maka bagi membolehkan kita berbincang dan terus meneliti tajuk-tajuk seterusnya, rang belanjawan berkenaan, saya tangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita bersidang diperingkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat, majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneliti dan menimbangkan Rang-Rang Undang (2021), Perbekalan 2021/2022 satu per satu.

Sebelum kita menyambung semula perbahasan dan membincangkan Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan ingin membuat kenyataan lanjut terhadap soalan yang telah dikemukakan terdahulu yang belum dijawabnya.

Saya persilakan dulu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih dalam kesempatan ini Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada dua perkara:

1. Bukanlah berhubung dengan soalan atau jawapan kaola tetapi ialah berhubung kenyataan koala semasa membentangkan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2021/2022. Dalam pembentangan itu, kaola telah memetik sebahagian daripada angka-angka yang berhubung dengan di bawah peruntukan gaji dalam sebutan juta.

Kaola menyebut angka dalam 5 kategori iaitu Gaji Kakitangan, Caruman *TAP*, Caruman *SCP*, Kurnia Elaun Khas, Elaun Sara Hidup dan Bonus. Kesemua angka yang kaola sebut itu tidak betul. Jadi, kaola sukacita membetulkannya kerana ini berupa pembetulan fakta dan bukanlah tipu helah atau *editorial* yang boleh sahaja koala memohon dan uruskan dengan pihak Sekretariat untuk membetulkan di dalam *Hansard*.

Lagipun, yang kaola bentangkan itu sebahagian yang telah disokong oleh majlis dan diluluskan dan kaola faham menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang (2021), Perbekalan 2021/2022 setakat mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa ini.

Maka, kaola berharap dan memohon kebijaksanaan Yang Berhormat Pengerusi, kenyataan kaola ini

sebagai membetulkan daripada apa yang sudah kaola sebutkan dan ini diambil kira sebagai sebahagian daripada peruntukan yang telah disokong dan dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan 2021/2022.

Angka-angka itu ialah sebagaimana ini disebutkan dalam handsard:

- i. Gaji Kakitangan, kaola sebut dalam \$165.8 juta, sebetulnya \$170.1 juta.;
- ii. Caruman TAP, kaola sebut \$7.55 juta yang sebenarnya \$8.09 juta.;
- iii. Caruman SCP, kaola sebut \$4.7 juta yang sebenarnya \$5.033 juta.;
- iv. Kurnia Elaun Khas, kaola sebut \$10.56 juta yang sebenarnya \$11.019 juta.;
- v. Elaun Sara Hidup, kaola sebut \$7.6 juta yang sebenarnya \$8.396 juta.; dan
- vi. Bonus, kaola sebut \$17.2 juta yang sebenarnya \$17.005 juta.

Sebagaimana yang kaola nyatakan tadi, kerana kesilapan ini, kaola *dialert* oleh *staff* kaola kelmarin dan biskaola menyemak semula sebenarnya memang ada kesilapan kaola dalam menyatakan dan ini agak menggelikan hati juga sedikit, barangkali 'mata orang tua-tua', Yang Berhormat Pengerusi. Bajet tahun lepas

bersebelahan dengan bajet tahun lepas dan bajet tahun ini. Jadi, yang kaola petik itu angka-angka tahun lepas. 'Mata orang tua-tua', Yang Berhormat Pengerusi, minta maaf.

2. Berhubung dengan kenyataan kaola semalam, merespons kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat mengalert dan setelah mendengar jawapan kaola, *staff* kaola di belakang mengalert kaola, didapati kenyataan kaola itu tersilap fakta. Bukan tersilap dari segi *typical error* atau sebutan nama-nama.

Ia berhubung dengan masjid baharu RPN Kampung Lumut, yang termasuk dalam rancangan RKN-11 yang sudah diperuntukkan dalam peruntukan ini. Jadi, Yang Berhormat bertanya dengan ikhlas kerana kaola menyebutkan bukan dalam pembentangan bajet tetapi dalam masa turut serta berucap menyokong sembah junjung kasih sepenuh-penuhnya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola menyebut beberapa buah masjid yang dalam proses di bawah RKN itu, tetapi tidak menyebutkan masjid baharu RPN Kampung Lumut. Kerana itu berbangkit daripada Yang Berhormat bertanya dan sekarang ini kaola mengambil kesempatan membetulkan apa yang kaola 'padahkan' atau sebutkan semalam itu tidaklah benar dari segi fakta. Faktanya yang sebenar, untuk

makluman Dewan dan seterusnya kepada Yang Berhormat Pengerusi, masjid baharu RPN Kampung Lumut pada masa ini, tawaran telah dibuka beberapa hari yang lalu pada 17 Mac 2021 dan akan ditutup pada 20 April 2021. Maknanya masjid ini sedang aktif dalam proses untuk pembinaannya. Kaola mohonkan pembetulan fakta ini akan dimasukkan dalam *hansard* sebagai pembetulan kaola dalam Dewan ini. Bukan pembetulan kaola melalui urusan Sekretariat.

Terima kasih. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi:

Pembetulan Yang Berhormat kemukakan diambil maklum dan tindakan-tindakan sesuai yang akan dilaksanakan. Saya percaya Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin barangkali boleh memberigakan khabar baik dan gembira kepada penduduk kampung yang sentiasa menunggu bilakah masjid kampungnya akan dilaksanakan.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk soalan daripada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari semalam, di bawah Tajuk SK01A – Jabatan Kementerian Pembangunan mengenai inisiatif Kementerian Pembangunan dalam melaksanakan Dasar Kebangsaan

Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dan 'Protokol Hijau' yang menekankan pelaksanaan penguatkuasaan dan pemantauan adalah sangat penting dalam memastikan kita dapat mencapai sasarannya.

Kementerian Pembangunan sangat menyambut baik akan saranan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat. Sebaik sahaja Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dilancarkan pada bulan Julai 2020, Jawatankuasa Penyediaan Dokumen Operasi iaitu *Operational Document Drafting Committee (ODDC)* telah ditubuhkan untuk merancang fasa pelaksanaan serta pemantauan dasar dengan melibatkan sekali lagi kesemua pihak yang berkepentingan.

Pendekatan menyeluruh ini telah pun menghasilkan dokumen operasi Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam Fasa 1 pada tahun 2021-2025. Dokumen ini mengandungi perancangan terperinci bagi setiap peneraju strategi-strategi *BNCCP* yang terdiri daripada kementerian-kementerian yang berkenaan.

Kedudukan progres dokumen operasi yang dimaksudkan akan dipantau setiap suku tahun oleh Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim dan seterusnya dilaporkan kepada Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam. Majlis ini akan terus memainkan peranan penting dalam memastikan hasrat untuk menuju ke arah negara yang rendah karbon dan

daya tahan iklim yang akan dapat dicapai. *Enabler-enabler* seperti garis panduan akta dan direktif yang bersesuaian yang perlu diperkenalkan juga telah dikenal pasti dalam dokumen operasi berkenaan yang akan dapat dikuatkuasakan pelaksanaan *BNCCP* bagi kesemua strategi.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin juga merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan juga ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari atas penglibatan aktif Yang Berhormat dalam penyediaan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dan 'Protokol Hijau' dan seterusnya bagi menerajui tindakan iklim dan menangani isu-isu alam sekitar bagi para belia.

Yang Berhormat telah menunjukkan contoh yang terbaik bahawa belia dapat dan mampu memainkan peranan sebagai ejen perubahan. Tidak lupa juga kaola ucapkan terima kasih banyak-banyak kepada semua Ahli Yang Berhormat atas sokongan terhadap *BNCCP* dan 'Protokol Hijau' dan juga pelaksanaannya. Semoga menjadi contoh ikutan kepada generasi kita yang akan datang.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita tangguhkan mesyuarat semalam, kita telah mendengar empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah membawa beberapa perkara dan mengemukakan

beberapa soalan yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan Rang Belanjawan Kementerian yang berkenaan belum pun sempat lagi kita undi untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Maka, bagi meneruskan pekerjaan kita seterusnya, saya sekarang memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, untuk memberikan jawapan-jawapan ataupun reaksi respons terhadap perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, mengenai *EV* ataupun *electric vehicle*. Antara faktor penting yang diambil kira dan perhatian termasuklah isu mampu milik kenderaan elektrik.

Dalam hal ini, *EV Task Force* yang kaola sudah maklumkan sebelum ini berperanan untuk membuat penilaian sokongan dalam bentuk laporan perkembangan, yang sehubungan dengan isu-isu yang perlu diambil perhatian sepanjang jangka projek rintis *EV* ini nanti. Sokongan laporan ini menjadi *input* utama dalam memantapkan lagi apa jua dasar hala

tuju *EV* termasuk isu-isu yang berkaitan dengan insentif dan lain-lain.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengalu-alukan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan orang ramai untuk berkunjung ke *Brunei EV Showcase* yang *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, akan diadakan bermula pada hari Khamis, 25 Mac 2021 sehingga hari Ahad, 28 Mac 2021 bertempat di *Bridex*, Jerudong untuk kita sama-sama boleh menyaksikan dan mencuba kenderaan-kenderaan elektrik yang dibawa masuk oleh pengedar-pengedar kenderaan di negara ini.

Mengenai cadangan memperbaiki sistem perkhidmatan teksi dan bas awam negara, kaola rasa cukup sudah kaola memberikan penjelasan mengenai perkara ini pada petang kelmarin dan kaola mengambil baik serta mempelawa apa jua cadangan buah fikiran daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat secara berterusan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput bagi meniadakan *loading fee charge of 10%* ke atas kenderaan yang berumur 6 tahun ke atas, kaola mengambil maklum akan cadangan ini dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan menyampaikannya kepada Persatuan Insurans dan Takaful Brunei (*BITA*).

Isu mengenai harga insurans kenderaan secara amnya yang ada hubung kait dengan kemalangan jalan raya, sedang dalam perbincangan di peringkat Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), dengan perwakilan pihak *BITA* merupakan ahli tetap kepada MKKJR jua.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, untuk mewujudkan pengeluaran lesen memandu kenderaan automatik, perkara ini kaola ambil baik dan sudah dalam pertimbangan *MTIC* setakat ini. Antara usaha yang perlu diambil kira adalah pindaan kepada Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya dengan mengadakan tambahan Kelas '3A' dengan dikenakan beberapa syarat tertentu sebagai contohnya dan pada masa ini masih belum ada ujian yang khusus untuk pemandu-pemandu baharu yang menggunakan kereta automatik dan apa yang dijalankan pada masa ini ialah mana-mana pemandu yang diuji semula disebabkan lesen memandu mansuh melebihi 3 tahun, antara lainnya dibolehkan menggunakan kereta automatik.

Mengenai kebenaran dan kawalan lesen memandu bagi warga asing. Pada masa ini warga asing yang memegang lesen memandu negara asing dibenarkan untuk memandu di negara ini tidak melebihi satu tahun.

Walau bagaimanapun, warga asing yang berhasrat untuk tinggal ataupun bekerja di negara ini, dikehendaki untuk membuat permohonan penukaran lesen memandu negara asingnya kepada lesen memandu Negara Brunei Darussalam.

Sebagai langkah pengawalan, pemandu-pemandu warga asing tersebut dikehendaki menjalani ujian memandu dan ujian kod jalan raya khususnya bagi yang memandu kenderaan-kenderaan komersial sebelum permohonan

penukaran lesen memandu dapat diluluskan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2020 lepas, sebanyak 10,726 permohonan baharu dan *endorsement of license* negara asing telah dicatatkan berbanding pada tahun 2019 sebelumnya iaitu sebanyak 11,985 permohonan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, mengenai keberkesanan Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SIKAP). Inisiatif yang mula diperkenalkan pada tahun 2013 ini, sedang direviu pada masa ini. Isu keberkesannya terutama sekali dalam isu-isu teknikal, ia memerlukan penyelarasan bersepadu dengan pihak-pihak tertentu khususnya Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga Jabatan Pengangkutan Darat sedang diperbaiki secara berterusan.

Kaola ingin mengongsikan sahaja, sebanyak 197 pemandu telah dikenakan *Demerit Point* di bawah SIKAP ini pada tahun 2019 dan seramai 331 pemandu pada tahun 2020 lepas.

Sehubungan dengan soalan dan cadangan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, mengenai pengecualian membayar lesen kenderaan bagi kenderaan jenazah, perkara ini sebenarnya telah pun ditimbulkan semasa Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2017. Dalam tempoh berkenaan, setakat ini usaha-usaha ke arah membuat pindaan Akta Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya, Penggal 68 berkenaan telah dibuat dan satu draf pindaan akta telah disediakan

dan dibincangkan dengan agensi-agensi berkenaan untuk menjadikannya satu peruntukan khusus supaya tidak lagi perlu dipohonkan pengecualian bayaran tetapi dicadangkan pindaan bagi pengecualian tetap. Sasaran pindaan ke atas akta berkenaan untuk dikuatkuasakan adalah pada tahun 2021 ini nanti *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Mengenai soalan keselarasan *Digital Economy Masterplan* di sektor kerajaan, kaola ingin menekankan bahawa bagi mendukung Pelan Induk Ekonomi Digital setiap kementerian disarankan menyediakan Pelan Transformasi Digital masing-masing. Ini adalah bagi menekankan penggunaan teknologi dalam agensi-agensi kementerian tersebut dan juga bagi sektor swasta di bawah bidang kuasa kementerian masing-masing.

Sukacita juga kaola merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 3/2012 pada Februari 2012, bahawa penggunaan e-mel untuk urusan-urusan rasmi kerajaan diterima pakai sebagai prosedur perhubungan sesama agensi kerajaan, pihak swasta serta orang ramai.

Akhir sekali mengenai inisiatif antara pihak *MTIC* dan Kementerian Pendidikan bagi menghadapi *Fourth Industrial Revolution*, memang terdapat beberapa inisiatif yang diusahakan oleh *MTIC* melalui *AITI* bersama Kementerian Pendidikan yang melibatkan penyertaan penuntut sekolah rendah dan menengah bagi memupuk minat serta kemahiran digital dari peringkat awal lagi.

Kerjasama ini juga diperkukuhkan dengan institusi pengajian tinggi.

Pada 29 September 2020 tahun lepas, *AITI* menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Institut Pendidikan Teknikal Brunei ataupun *IBTE* bagi mengadakan makmal *Internets of Things (IOTs)* di Kampus Sultan Saiful Rijal dan *AITI* juga memeterai kerjasama dengan UTB dalam usaha untuk membangunkan penggunaan *5G* bagi Kampus Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang perjanjian ini juga bertujuan menubuhkan sebuah makmal teknologi inovasi *5G* di UTB **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** kita telah pun membincangkan dan meneliti Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi secara panjang lebar dan terperinci, saya kira cukuplah sudah kita membahaskan tajuk ini.

Maka, tajuk ini sekarang akan saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi kita luluskan. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A - Kementerian Pengangkutan dan

Infokomunikasi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita berpindah untuk membincangkan tajuk-tajuk seterusnya saya telah pun difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan ingin untuk membuat kenyataan.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi, kaola memohon izin bagi Kementerian Kesihatan terlebih dahulu dibincangkan daripada kementerian-kementerian lain, perkara ini dipohonkan adalah atas sebab urusan rasmi. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya lebih dahulu minta maaf kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan nampaknya kita 'melimpasinya' sebanyak dua kali berturut-turut.

Saya minta laluan dengan keadaan yang dihadapi oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ketika ini bagi kita untuk meluluskan permintaan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk mendahulukan kementeriannya untuk dibincangkan.

Saya dengan itu memberikan keizinan sebagaimana yang dipohonkannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SN01A - Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita membincangkan iaitu Tajuk SN01A - Kementerian Kesihatan.

Sebagaimana lazimnya, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberikan mukadimah belanjawan bagi Kementerian Kesihatan terutama mengenai hala tuju penyediaan belanjawan yang dikemukakannya. Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف
الأنبياء والمرسلين، سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat **عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera.

اللَّهُ، bersyukur kita ke hadrat اللَّهِ kerana dengan rahmat, izin, limpah kurniaNya jua kita dapat sama-sama berkumpul pada hari ini di Majlis Mesyuarat Negara yang bermanfaat ini. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia jujur hingga ke akhir zaman.

Seperti yang kita semua sedia maklum, pada awal tahun 2020 seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam telah berdepan dengan pandemik *COVID-19* yang sangat mencabar. Setakat ini jumlah kes *COVID-19* telah melebihi 122 juta dengan lebih 2.7 juta kematian dicatatkan di seluruh dunia.

Keadaan ini telah banyak memberikan impak yang negatif kepada ekonomi global. Namun demikian dengan perlindungan dan rahmat dari اللَّهِ **جُودًا** dan, atas kepimpinan, kewibawaan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jua, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** rakyat dan penduduk di negara ini dapat menjalani hidup dengan norma baharu dalam keadaan aman dan damai.

Sebagai Negara Zikir, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** berkat doa dan zikir-zikir pelindung yang telah diamalkan di negara ini tidak syak lagi juga telah banyak melindungi kita daripada keburukan dan kebinasaan akibat wabak ini. Mudah-mudahan negara kita dan penduduknya sekalian akan sentiasa dilindungi daripada segala macam bala dan bencana oleh اللَّهِ **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** sepertimana jua firman-Nya dalam Surah At-Taghabun, Ayat 11 yang bermaksud:

"Tidak ada suatu musibah pun yang menimpa seseorang kecuali dengan izin Allah; dan barang siapa yang beriman kepada Allah, nescaya Dia akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."

Kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu jelas adalah satu faktor kejayaan yang utama dan pemangkin kepada keberkesanan respon terhadap kejadian wabak *COVID-19* di negara ini dengan kerjasama yang bersepadu dari agensi-agensi kerajaan dan orang awam

melalui pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-nation*. Antara faktor utama dalam keberkesanan menangani wabak ini ialah sokongan orang ramai yang tidak putus-putus dalam mematuhi arahan dan SOP-SOP kerajaan di antaranya penjarakan sosial, kepentingan menjaga kebersihan diri, garispandu *mass gathering* dan penggunaan *QR Code* dan sebagainya. Pendekatan *whole-of-nation* ini dapat dilihat dengan perpaduan arahan-arahan kerajaan dan orang ramai bagi mengawal Wabak COVID-19 ini.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tema Belanjawan Kementerian Kesihatan bagi Tahun Kewangan 2021-2022 iaitu "Memperkuatkan Keselamatan dan Kawalan Jangkitan" adalah bertepatan dengan kehendak semasa dan situasi yang dihadapi oleh negara pada masa ini, malah adalah perlu untuk diberi keutamaan sebagai langkah kesiapsiagaan bagi merancang strategi pemulihan ekonomi akibat kesan Wabak *COVID-19*. Tema ini juga adalah berkesinambungan dengan tema Belanjawan Negara iaitu "Ke Arah Pembangunan Sosio-ekonomi Yang Resilien" untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, memerlukan warga yang sihat dan produktif bagi pembangunan negara.

Fokus utama dalam belanjawan 2021/2022 nanti termasuklah:

i. Mengutamakan pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit

berjangkit dan penyakit-penyakit tidak berjangkit.;

ii. Menambah baik pemeliharaan peralatan perubatan dan fasiliti-fasiliti kesihatan.;

iii. Mempertingkatkan kawalan jangkitan pada tempat-tempat klinikal dan peralatan perubatan yang digunakan di samping mempertingkatkan kesedaran tentang pentingnya kebersihan yang optimum.;

iv. Memastikan bekalan ubat-ubatan dan *medical consumables* yang selamat, berkualiti dan berterusan.;

v. Mengambil faedah daripada perkembangan teknologi perubatan dalam era Revolusi Industri 4.0 dalam penjagaan kesihatan.

Peruntukan Tahun Kewangan 2021/2022 yang disokong bagi Kementerian Kesihatan ialah berjumlah \$375,998,890 dan Perbelanjaan Kemajuan sejumlah \$11,212,227. Dengan ini membawa kepada peruntukan keseluruhan yang disokong adalah sebanyak \$387,211,117. Pecahan bagi peruntukan secara keseluruhan ialah gaji kakitangan sebanyak 55%; Perbelanjaan Berulang-Ulang 42%; dan Pebelanjaan Kemajuan 3%. Jumlah tersebut dianggarkan akan dapat membiayai kesemua aktiviti-aktiviti yang telah dirancang terutama sekali bagi mendukung perkembangan dan kesejahteraan tenaga kerja, menaiktaraf dan memelihara aset-aset kerajaan, memastikan operasi berjalan dengan lancar dan memastikan perkhidmatan kepada pesakit dan orang awam terjaga

selaras dengan fokus belanjawan yang kaola sebutkan tadi.

Mengukuhkan keselamatan dan kawalan jangkitan dari pelbagai aspek termasuk dari segi penyediaan infrastruktur yang selamat dan berkualiti serta urus tadbir organisasi, tenaga kerja dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai, mampu meningkatkan nilai ketahanan negara ke arah kestabilan dan kemakmuran serta kualiti kehidupan yang tinggi yang dapat dikecapi oleh rakyat dan penduduk selaras dengan matlamat strategi Wawasan Brunei 2035.

Keselamatan pesakit adalah merupakan salah satu inisiatif utama ke arah pencapaian salah satu Strategi Kementerian Kesihatan iaitu Kecemerlangan Dalam Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan. Fokus Strategi Kualiti bagi tempoh jangka masa 3-5 tahun ini termasuk:

- i. Mengukuhkan lagi sistem kualiti kesihatan dengan memastikan adanya struktur, fungsi, strategi dan sumber yang khas bagi kualiti.;
- ii. Keselamatan pesakit melalui penjurusan kepada standard akreditasi seperti *International Patient Safety Goals*.; dan
- iii. Membudayakan amalan keselamatan (*Safety Culture*) yang bukan hanya memberi fokus kepada pesakit, malah merangkumi orang ramai dan juga kakitangan kementerian sendiri.

Perkembangan inisiatif bagi keselamatan pesakit di Kementerian Kesihatan adalah ketara. Antara inisiatif yang masih giat dilaksanakan ialah penubuhan *Event Reporting System* di seluruh negara yang telah mula dilaksanakan secara percubaan di Daerah Tutong dan Daerah Belait pada Februari 2019 dan kini dilaratkan ke seluruh negara sebagai salah satu inisiatif bagi amalan keselamatan ataupun *Safety Culture*. *Event Reporting System* ini nanti diharapkan akan dapat membantu Kementerian Kesihatan dalam mengenal pasti risiko-risiko dan merancang secara proaktif pelan mitigasi dan pembaikan secara sistematik.

Dari segi kualiti perkhidmatan yang juga berhubung kait rapat dengan aspek keselamatan pesakit, orang ramai dan kakitangan kesihatan, **بِسْمِ اللَّهِ** Pusat Kesihatan Pengkalan Batu telah sekali lagi menerima pengiktirafan Akreditasi *Joint Commission International (JCI)* buat kali kedua pada 10 Disember 2020 dengan dianugerahkan "*the Gold Seal of Approval Award*" untuk standard Penjagaan Kesihatan Asasi yang jelas menunjukkan perkhidmatan kesihatan asasi di negara ini antara yang terbaik di dunia yang diukur dari segi keselamatan pesakit dan pemberian penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi kepada masyarakat. Selain *JCI*, Kementerian Kesihatan telah menerima akreditasi *ISO* bagi Makmal Rujukan Kimia Klinikal Kebangsaan bermula pada tahun 2011 dan Makmal Perkhidmatan Saintifik bermula pada tahun 2016. Amalan-amalan terbaik ini akan dilaratkan ke hospital-hospital dan pusat-

pusat kesihatan lain bagi memastikan keseragaman perkhidmatan yang berkualiti tinggi yang diterapkan melalui perkhidmatan - perkhidmatan yang terbaik.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sepanjang tahun 2020, Kementerian Kesihatan banyak memfokuskan tenaga kerja bagi menangani wabak *COVID-19* yang mula menular di Wuhan, Republik Rakyat Cina. Barisan hadapan yang ditugaskan bertungkus-lumus bukan sahaja dalam kalangan kakitangan hospital, malahan hampir keseluruhan kakitangan Kementerian Kesihatan, pegawai barisan hadapan dari agensi-agensi lain yang berkaitan dan sukarelawan-sukarelawan. Semua telah bersatu hati secara ikhlas untuk tujuan utama iaitu menyelamatkan nyawa meskipun terpaksa berkorban masa keluarga, menghadapi risiko jangkitan dan mengalami kelelahan yang di luar jangkaan." Di sini saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua yang telah menyumbangkan tenaga, masa, wang ringgit dan kepakaran semasa negara menangani wabak ini dan yang masih meneruskan sumbangan mereka.

Ucapan terima kasih dan penghargaan ini juga ditujukan khas kepada semua barisan hadapan dalam kalangan kakitangan Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pusat Bencana Kebangsaan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran

Kebangsaan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan khususnya Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Persatuan Bulan Sabit Merah dan sukarelawan-sukarelawan khususnya dari Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Pada masa yang sama, saya tidak lupa mengucapkan terima kasih yang sebanyak-banyaknya kepada dermawan-dermawan yang menyumbang kepada Dana *COVID-19 Relief Fund* yang telah berjaya mengutip sejumlah \$11,137,514.00 yang telah dimanfaatkan bagi pembinaan Bangunan Tambahan Pusat Pengasingan Kebangsaan di Daerah Tutong dan pembelian peralatan perubatan bagi bangunan berkenaan yang kini boleh menampung tambahan sebanyak 166 katil berbanding 27 sebelumnya.

Saya juga tidak lupa merakamkan penghargaan kepada penyumbang-penyumbang makanan dan minuman ke hospital-hospital dan pusat-pusat operasi; penyumbang barangan keperluan operasi dan keperluan pesakit dan pekerja-pekerja; dan kepada pemborong-pemborong yang membiayai sepenuhnya bangunan baharu Makmal Virologi yang baharu di Kampung Sumbiling bagi ujian *COVID-19* yang mana telah meningkatkan kapasiti ujian-ujian yang dijalankan sebanyak 10 kali ganda.

Semoga semua sumbangan yang dihulurkan akan menjadi satu amalan yang berkebaikan dan mendapat ganjaran pahala serta rahmat daripada
اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمِينُ jua.

Kementerian Kesihatan akan terus menitikberatkan aspek kesihatan awam yang **اللَّهُمَّ** setakat ini, kapasiti negara dalam menangani wabak penyakit-penyakit berjangkit telah pun terbukti kompeten dan mampu melaksanakan strategi-strategi mitigasi yang berkesan.

Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Peraturan Kesihatan Antarabangsa ataupun *International Health Regulations* yang terdiri daripada pelbagai agensi yang berkenaan telah mengukuhkan kesatuan negara dalam menangani kecemasan kesihatan awam melalui tindakan bersepadu dari semua agensi yang terlibat. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, jawatankuasa ini akan terus wujud bagi memastikan kesiapsiagaan negara untuk menangani wabak penyakit-penyakit berjangkit yang berskala besar seperti *COVID-19* ini sentiasa diteliti dan diperbaiki dari masa ke semasa.

Sementara itu, pengawalan wabak *COVID-19* di negara ini terus berjalan bagi memastikan Negara Brunei Darussalam terus bertahan mengekalkan sifar jangkitan tempatan dan kemungkinan kes-kes import akan terus dipantau dan dikesan melalui pengawalan ketat khususnya di setiap *point of entry* yang masih dijalankan pada masa ini dengan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa yang lain.

Usaha-usaha kawalan Wabak *COVID-19* akan terus dijalankan memandangkan ekonomi global dijangkakan masih belum pulih sepenuhnya sehingga tahun 2022. Walau bagaimanapun, usaha bagi menggerakkan sosio-ekonomi global, termasuklah ekonomi negara ini mestilah berjalan. Pengawalan kemasukan virus *COVID-19* ini perlulah diimbangi dengan perkembangan ekonomi termasuklah kemasukan pekerja-pekerja asing yang menduung perkembangan ekonomi negara yang masih diperlukan pada masa ini. Negara ini akan terus membuat pemantauan perkembangan wabak di negara ini dan akan meneruskan kuarantin bagi sesiapa yang datang dari negara-negara berisiko tinggi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli
Yang Berhormat.

Dengan Peruntukan Belanjawan 2021/2022 yang dipohonkan, rancangan-rancangan dalam Pelan Strategik 2019-2023 akan diteruskan dan kesinambungan dengan rancangan-rancangan yang telah dilaksanakan dalam Tahun Kewangan 2020/2021 yang lalu.

Sepertimana yang telah dirancang, Pelan Strategik Kementerian Kesihatan ini juga adalah disejajarkan dengan Rancangan Fiskal 5 tahun yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Program Penyatupaduan Fiskal atau *Fiscal Consolidation Programme* yang mula diungkapkan sejak tahun 2018. **اللَّهُمَّ**, dengan inisiatif baik yang diambil oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi ini, pelaksanaan Pelan Strategik

Kementerian Kesihatan masih menunjukkan progres dengan sokongan Kementerian Kewangan dan Ekonomi di bawah Program *FCP* tersebut. Setakat ini, 17 daripada 39 (43%) inisiatif yang dirancang di dalam Pelan Strategik Kementerian Kesihatan berhasil melaksanakan projek-projek tertentu dalam jangka waktu yang disasarkan iaitu pada tahun 2019-2020 malah juga termasuk projek-projek yang pada mulanya disasarkan untuk dilaksanakan pada tahun 2023 yang mana akan kaola bentangkan sebahagian daripadanya sahaja khususnya inisiatif-inisiatif yang mendukung pelaksanaan *FCP*.

Projek Penyumberan-Luar Pengurusan Rantai Perbekalan Ubat-Ubatan dan Barangan Gunahabis Perubatan telah dilaksanakan mulai 1 Oktober 2020 diharapkan akan dapat membantu Kementerian Kesihatan mengatasi isu-isu seperti kehabisan stok ubat dan kelambatan dalam pengisian semula stok ubat-ubatan yang boleh menjejaskan operasi perkhidmatan di Kementerian Kesihatan. Selain itu, Penyumberan-Luar Perkhidmatan Dialisis Buah Pinggang juga telah dilaksanakan mulai bulan Mac 2021. Penyumberan-Luar perkhidmatan dialisis ini telah mengurangkan kesesakan di fasiliti-fasiliti kerajaan yang disebabkan oleh meningkatnya jumlah pesakit renal dari tahun ke tahun yang mana juga telah menimbulkan ketidakselesaan kepada pesakit dan ahli-ahli keluarga mereka sendiri. Ia diharapkan akan mampu menjamin kedayatahan dan kualiti serta keselamatan perkhidmatan renal yang diberikan kepada mereka yang

memerlukan. Penyumberan-luar perkhidmatan ini adalah lebih kos efektif jika dibandingkan kos bagi penyediaan pusat dialisis yang baharu.

Projek *Home-Based Nursing Transport Service* telah mula dilaksanakan pada 4 Januari 2021 dengan menggunakan khidmat *DART Logistics Sdn Bhd*. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan lagi akses kepada perkhidmatan kesihatan oleh seluruh lapisan masyarakat melalui liputan perkhidmatan yang *universal (Universal Health Coverage)* dengan memberikan kemudahan logistik kepada kakitangan kesihatan di samping memastikan keselamatan jururawat-jururawat yang membuat lawatan ke rumah-rumah. Dengan memedulikan kebajikan mereka seperti ini juga akan membolehkan mereka menumpukan perhatian kepada pemberian perkhidmatan klinikal yang lebih berkualiti.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ , projek-projek yang dilaksanakan di bawah *Fiscal Consolidation Programme* ini secara langsung telah membawa faedah yang memberangsangkan. Antaranya adalah penyediaan pekerjaan secara tetap ataupun secara sementara dan juga *part-time jobs* bagi mereka yang mencari pekerjaan. Setakat ini, seramai 29 orang telah pun diambil bekerja secara tetap dan 10 orang pekerja diambil secara sementara bagi menjalankan projek Penyumberan-Luar Perbekalan Ubat-Ubatan. Bagi perkhidmatan *DART Logistics*, sekurang-kurangnya 32 orang pemandu *DART* telah terlibat sama ada secara tetap atau berkala dan

sebahagian besarnya adalah di kalangan wanita-wanita tempatan yang membawa jururawat ke destinasi yang dituju.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Beberapa projek pembangunan infrastruktur yang telah diluluskan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 terus giat dilaksanakan termasuklah Makmal Klinikal Diagnostik Molekular bagi Penyakit Berjangkit (NMRL) di Bukit Bendera, Daerah Tutong baru siap dibina dengan harga rancangan berjumlah \$8 juta ringgit dan akan digunakan sebaik saja selesai proses pengauditan. Penyediaan makmal bertaraf *Biosafety Level 3 (BSL3)* adalah merupakan satu mercu tanda pencapaian bagi sektor kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Selain daripada itu, Projek pembinaan Pusat Kesihatan di Kampung Pandan, Kuala Belait, masih dalam penelitian pelaksanaannya melalui *public private partnership* yang mana akan menyerlahkan satu konsep baru dan inovasi dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan dengan menggabungkan rawatan pesakit dengan program-program kesejahteraan di bawah satu bumbung di samping memberikan peluang-peluang perniagaan kepada pihak-pihak pengusaha kecil dan sederhana. Pembinaan Bangunan Tambahan bagi Pusat Kesihatan Jubli Perak, Sengkurong juga telah dirancang bagi memenuhi keperluan tadahan Pusat Kesihatan tersebut dengan nilai projek berjumlah \$3.4 juta yang mana tawaran akan dibukakan dengan bantuan pihak Jabatan Kerja Raya, Kementerian

Pembangunan. Pembinaan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak (*Children Development Centre*) juga telah siap dibina dan dilancarkan pada 13 Mac 2021 yang kini mempunyai perkhidmatan-perkhidmatan utama yang disatukan di bawah satu bumbung dan mempunyai fasiliti bagi kanak-kanak yang memerlukan dan Pembinaan Bangunan Perkhidmatan Kecemasan di Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait juga akan dimulakan tidak lama lagi dengan harga rancangan berjumlah 2.2 juta ringgit dan pada masa ini masih dalam proses penyediaan dokumen tawaran oleh pihak-pihak tertentu.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Aspek peningkatan profesionalisme pakar-pakar dan professional kesihatan terus dititikberatkan sebagai satu pelaburan yang berdayatahan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ seperti yang dihasratkan, jumlah keseluruhan doktor di negara ini meningkat dalam tempoh 5 tahun kebelakangan. Sehingga Februari 2021, jumlah keseluruhan doktor di negara ini ialah 738 orang yang mana 51% daripadanya adalah doktor tempatan dalam pelbagai peringkat jawatan dan dalam pelbagai bidang kepakaran berbanding 45% pada pada 5 tahun yang lalu. Manakala itu, doktor tempatan yang telah mendapat kelulusan peringkat pakar juga bertambah jika dibandingkan 5 tahun yang lalu iaitu jumlah pakar tempatan di Kementerian Kesihatan masa itu ialah 88 orang. Sekarang, terdapat seramai 112 orang doktor

tempatan yang mempunyai kelulusan kepakaran iaitu peningkatan hampir 30 peratus yang memberikan perkhidmatan di tahap pakar dalam 60 pelbagai bidang kepakaran yang dijalankan di hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan, bidang kesihatan awam dan pergigian.

Manakala jumlah jururawat di Kementerian Kesihatan adalah merangkumi 40% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja di Kementerian Kesihatan iaitu berjumlah hampir 2,500 orang. Dari jumlah tersebut 95% adalah jururawat tempatan dalam pelbagai peringkat jawatan dan bidang perkhidmatan.

Dengan meningkatnya jumlah doktor dan jururawat yang berkelulusan dan berkemahiran tinggi, Kementerian Kesihatan telah mampu untuk mengendalikan kursus-kursus pembangunan kapasiti dengan kerjasama institusi pendidikan dalam negeri bagi tenaga kerja kedokteran, kejururawatan, *pharmacist* dan ahli profesional kesihatan yang lain dengan tenaga pengajar yang terdiri daripada ahli profesional kesihatan tempatan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, pada tahun 2022 nanti, pengeluaran pertama bagi kursus *Diploma in Health Sciences in Dental Hygienist & Therapist* seramai 13 orang akan dapat menyumbang bakti di negara ini. Program *Diploma in Health Science in Cardiovascular Technology* juga sudah bermula pada Januari 2021 dengan pengambilan pertamanya seramai 12 orang yang akan menamatkan pengajian pada tahun 2023 nanti. Di samping itu banyak lagi bidang-bidang latihan

Kejururawatan yang telah pun dijalankan secara kolaborasi dengan *Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC)* dan *IBTE* antaranya *Program Diploma in Operating Theatre Assistance, Certificate in Caregivers, Advanced Diploma in Palliative Care Nursing* dan *Advanced Diploma in Maxillofacial Facial Plastic and Reconstructive Surgery Nursing* yang beransur-ansur menjana lebih ramai lagi lepasan diploma dalam bidang-bidang khusus yang terdiri dari anak-anak dan tenaga kerja tempatan.

Selain daripada doktor dan jururawat, keutamaan juga terus diberikan untuk meningkatkan kapasiti dalam bidang-bidang *Allied Health Professionals (AHPs)* yang pada masa ini masih dalam penelitian oleh pihak yang berkenaan bagi penglulusan Skim Perkhidmatan bagi *Allied Health Professionals* yang baharu.

Kementerian Kesihatan masih memerlukan lebih ramai doktor dan profesional-profesional dalam berbilang kepakaran. Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin menyeru supaya lebih ramai lagi penuntut-penuntut tempatan yang akan dapat berusaha dan meningkatkan minat untuk menceburi bidang-bidang berkenaan bagi mendukung perkhidmatan kesihatan yang semakin berkembang sama ada pekerjaan di sektor kerajaan atau swasta. Begitu juga dengan profesion kesihatan yang lain seperti kejururawatan dan *Allied Health Professionals* yang mana juga merupakan tonggak utama perkhidmatan kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Perkembangan teknologi maklumat dan info-komunikasi dalam era Revolusi Industri 4.0 ini adalah sangat dinamik dan pesat. Pelaburan pihak kerajaan dalam mendapatkan faedah daripada perkembangan teknologi khususnya *Artificial Intelligence* telah membawa satu lagi mercu tanda dalam perkembangan teknologi di negara ini termasuklah Kementerian Kesihatan.

Pada 5 Mei 2020, aplikasi *BruHealth* telah dikenalkan kepada orang ramai yang pada awalnya, bertujuan bagi pelaksanaan pelan pengurangan langkah-langkah penjarakan sosial bagi pengawalan wabak *COVID-19*. Walau bagaimanapun aplikasi ini sememangnya tidak hanya terhad kepada pengawalan penyakit berjangkit sahaja, malah mempunyai ciri-ciri yang berfaedah dalam penjagaan kesihatan seperti yang telah dikongsikan oleh Kementerian Kesihatan kepada orang ramai. Satu inisiatif Kementerian Kesihatan bagi mengembangkan lagi prinsip *one patient one record*, *Mini Hospital Information System Platform* juga dikenalkan melalui aplikasi ini. Selain mengukuhkan lagi sistem *one patient one record* yang memang menjadi matlamat Kementerian ini, ia juga mendukung inisiatif Kementerian Kesihatan dalam menyediakan *patient-centred care* disamping menjaga keselamatan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai. Saya menyeru bagi ramai lagi pengguna BruHealth untuk membuat pengenalan diri bagi membolehkan kelengkapan data

peribadi mereka. Disamping itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa Aplikasi *BruHealth* akan memainkan peranan yang sangat penting dalam Program Vaksinasi *COVID-19* yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian kesihatan akan sentiasa memantau dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, kanser dan diabetes yang masih lagi menjadi penyebab kematian utama di negara ini. Statistik insiden penyakit-penyakit kronik tidak berjangkit pada masa ini masih di tahap yang membimbangkan dan menunjukkan kadar penurunan yang minimum. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan secara agresif telah dan akan membuat pelbagai usaha untuk melahirkan rakyat dan penduduk yang mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi dan produktif serta mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Jawatankuasa *Multi-Sectoral Taskforce on Health* yang telah ditubuhkan akan terus melaksanakan strategi dan pelan kerja dalam bidang-bidang keutamaan yang telah dikenal pasti. Begitu juga dengan strategi-strategi yang digariskan di dalam Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Mencegah dan Mengawal Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit (BruMAP NCD). Setakat ini, sebanyak lebih kurang 70% inisiatif telah dicapai atau sedang dilaksanakan dengan giat.

Pelbagai usaha telah diungkayahkan bagi mengurangkan kadar penyakit tidak

berjangkit di negara ini yang mana telah pun kaola kongsi di sesi Majlis Mesyuarat Negara yang lalu. Program Pemeriksaan Saringan Penyakit Tidak Berjangkit Kebangsaan akan terus dijalankan bagi pengesanan awal penyakit-penyakit tidak berjangkit di kalangan kumpulan sasaran. Tidak dinafikan, kejadian Wabak *COVID-19* telah sedikit sebanyak memberi kesan terhadap kemajuan pelaksanaan program ini, walau bagaimanapun ianya akan diteruskan lagi pada tahun ini. Oleh yang demikian, mereka yang terdiri daripada kumpulan sasaran bagi Program Pemeriksaan Kebangsaan ini adalah amat dialu-alukan untuk mendaftar dan menjalani ujian saringan dan mengambil peluang yang baik ini untuk mengesan sebarang penyakit sebelum terlambat.

Masalah penyakit mental perlu diberi perhatian kerana kesannya boleh menjejaskan pembangunan negara. Statistik mereka yang mengalami tekanan mental menunjukkan kadar yang sangat tinggi. Jumlah panggilan ke Talian Harapan 145 yang diwujudkan pada 12 Februari 2019 khusus sebagai *helpline* kepada mereka yang memerlukan ialah sebanyak 2,278 panggilan pada tahun 2019, dan 2,474 panggilan daripada bulan Januari hingga Oktober 2020. Setakat ini, 3 fokus utama dalam mempromosi kesihatan mental telah diambil tindakan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi lain iaitu Program Brunei Bebas Buli (*School-Based*) yang disasarkan kepada penuntut dan murid sekolah; Program i-Minda atau *i-Mind Programme*

(*Workplace-Based*) bagi kesihatan mental di tempat kerja; dan Program Jaga Minda Kita (*Community Approach*) yang diharap akan menggunakan calak Brunei di peringkat masyarakat dan diadakan di tempat-tempat awam seperti pusat membeli belah, sekolah, masjid dan lain-lain. Tidak kurang juga penjagaan dan rawatan kesihatan mental di peringkat hospital turut diberikan keutamaan dalam mencegah penyakit mental.

Bagi melindungi kesejahteraan awam ditempat kerja, Program Kesihatan dan Tempat Kerja atau *Workplace and Health 2.0* (WAH) dengan kolaborasi bersama *Gleneagles Jerudong Park Medical Centre* bagi menggalakkan tempat kerja untuk menyediakan persekitaran dan tindakan yang menyokong pekerja untuk menjadi lebih aktif, mengamalkan makanan sihat, bebas dari rokok dan mempunyai kesejahteraan mental yang baik. Ini termasuklah dalam memastikan persekitaran di tempat kerja adalah selamat dan bebas dari sebarang gangguan yang tidak sihat yang boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan pekerja samada fizikal dan mental.

Kementerian Kesihatan juga adalah peka dengan isu permakanan yang tidak sihat. Kaola dengan ini menyambut baik usul dan saranan daripada Ahli Yang Berhormat yang dilantik untuk mengambil langkah yang lebih tegas terhadap penjualan makanan yang tidak sihat seperti mengenalkan cukai garam dan cukai bagi makanan yang tidak sihat. Saranan ini adalah wajar kerana Kementerian Kesihatan juga sangat

mengambil serius tentang tren permakanan dikalangan orang-orang Brunei terutama sekali di kalangan mereka yang *vulnerable* seperti kanak-kanak yang belum memahami kesan permakanan yang tidak sihat terhadap kesihatan mereka. Justeru itu, Kementerian Kesihatan telah melancarkan *Code on Responsible Marketing of Food and Beverages to Children in Brunei Darussalam* pada 9 Mac 2021 yang mana adalah bertujuan bagi melindungi kanak-kanak dari terdedah kepada iklan-iklan dan promosi makanan dan minuman yang tidak sihat.

Pelaksanaan dasar dan juga peraturan memerlukan penguatkuasaan yang berkesan. Sekali lagi kaola menyambut baik cadangan daripada Ahli Yang Berhormat yang dilantik bagi menyatupadukan sumber tenaga manusia bagi penguatkuasaan undang-undang dan dasar serta peraturan-peraturan kerajaan yang mana pada masa ini memang sudah difikirkan oleh Kementerian Kesihatan. Pada masa ini Kementerian Kesihatan adalah dalam proses meneliti beberapa akta-akta perundangan yang berkenaan untuk memastikan usaha-usaha penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan berkesan yang mana termasuk akta Perintah Tembakau 2005 bagi menangani isu tabiat merokok yang masih berleluasa. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Kementerian Kesihatan akan terus berusaha sedaya-upaya untuk menguatkuasakan sebaik-baiknya semua undang-undang di bawah kementerian ini, selaras dengan keperluan dalam negara dan piawaian antarabangsa. Namun tidak dinafikan

terdapat beberapa cabaran yang dihadapi dalam menguatkuasakan undang-undang, khususnya dari segi ketersediaan kakitangan yang terlatih yang mencukupi. Justeru itu penyatupaduan penguatkuasaan undang-undang termasuklah Unit Penguatkuasaan Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Pasukan Polis Diraja Brunei telah melaksanakan beberapa operasi bagi tindakan-tindakan undang-undang ke atas individu yang gagal mematuhi peraturan ini.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di kesempatan ini, saya juga ingin menyuarakan berhubung Program Vaksinasi *COVID-19* Kebangsaan yang akan dilancarkan tidak lama lagi di negara ini. Adalah difahami banyak berita-berita yang membimbangkan berhubung vaksin-vaksin dan impak-impak kepada individu; kadar *efficacy* setiap vaksin juga banyak tersebar di media-media massa. Orang ramai tidak perlu merasa terlalu cemas dan percaya dengan berita-berita negatif yang disebarkan melalui medial sosial dan sebagainya kerana kebanyakannya adalah berunsur bias dan tidak benar dan kajian juga menunjukkan kebanyakan kes-kes kematian yang dilaporkan bukannya berpunca daripada vaksin yang diberikan akan tetapi disebabkan oleh masalah kesihatan kronik yang memang dihadapi oleh individu berkenaan.

Vaksinasi adalah merupakan cara yang paling efektif untuk memutuskan rantaian jangkitan *COVID-19*. Perlu diketahui bahawa proses untuk mendapatkan vaksin *COVID-19* ini adalah sukar kerana jumlah penghasilan vaksin bagi seluruh dunia adalah tidak mencukupi walaupun syarikat-syarikat pengeluar vaksin menjanjikan pengeluaran berbilion dos vaksin sehingga tahun 2021. Negara Brunei Darussalam sendiri terpaksa akur dengan pilihan-pilihan vaksin yang terhad, namun pihak kerajaan sentiasa beringat untuk memastikan negara kita diberikan jaminan untuk memperolehi sejumlah vaksin yang mencukupi bagi negara kita melalui perundingan-perundingan di peringkat antarabangsa. Proses pemilihan jenama vaksin juga telah dijalankan dengan amat teliti dengan mengambil kira dari segi keselamatan melalui penelitian data-data dan hasil kajian saintifik yang dijalankan bagi setiap vaksin *COVID-19*. Maka seharusnya kita menghargai usaha pihak kerajaan dalam perkara ini dengan memberikan sokongan yang tinggi terhadap Program Vaksinasi ini.

Sebelum kaola menutup mukadimah ini, kaola ingin merakamkan penghargaan atas sokongan padu semua kementerian dalam menangani wabak dan kesihatan awam dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik kerana sering berkerjasama dengan Kementerian Kesihatan sama ada secara peribadi atau melalui *NGO* yang disokong atau melalui promosi-promosi kesihatan di Daerah, Mukim dan Kampung. Semoga segala usaha yang telah dan akan dilaksanakan

mendapat rahmat dan petunjuk
آمِينَ. جَاءَ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

Sekian saja yang dapat kaola sampaikan mengenai strategi utama dan fokus bagi perbelanjaan Kementerian Kesihatan bagi Tahun 2021/2022 serta pencapaian bagi Tahun 2020/2021 sebagai mukadimah dan kaola sukacita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi atas kesempatan ini.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahi-Ahli Yang Berhormat, itulah mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang menghuraikan panjang lebar bukan sahaja rancangan-rancangan yang terkandung dalam belanjawan kementeriannya bagi tahun ini dan tahun hadapan tapi juga *forward looking* terhadap pandemik yang sedang kita hadapi masa kini. Kita bersyukur dengan adanya keterangan yang dikemukakan. Kita merasakan bahawa mudah-mudahan keadaan selamat yang kita hadapi kita alami ketika ini dan akan berterusan Negara Brunei Darussalam akan terus diperlindungi oleh اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan aman damai dengan penuh kesejahteraan. Jadi, saya juga difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan suka untuk menyatakan perkara yang seterusnya.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Yang Berhormat Pengerusi, kaola sekali lagi memohon izin atas urusan-urusan rasmi, izinkan kaola meninggalkan Dewan ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan keadaan bukan normal yang dihadapi oleh Menteri kesihatan dan kementeriannya berlatar belakangkan keadaan yang bukan normal ini sepatutnya tidak menjadikan keadaan menurut *standing order* kita mengenai mesyuarat, maka saya izinkan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk membuat sedemikian dan saya minta kepada 9 orang Ahli Yang Berhormat yang telah pun membuat pendaftaran untuk menyoal Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya mengemukakan soalan-soalan itu terus sahaja kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan secara bersurat, **إِنْ شَاءَ اللهُ** saya percaya ia akan memberikan responsnya yang berpatutan kemudian nanti. Jadi dengan keadanan itu dan keadaan yang saya nyatakan di luar daripada jangkakan normal maka Tajuk SM01A- Kementerian Kesihatan sekarang berpatutan untuk saya undi supaya sama ada kita luluskan atau sebaliknya. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya tajuk yang berkenaan ini kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih atas kerjasama semua pihak maka tajuk yang berkenaan ini diluluskan.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Tajuk SM01A- Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Tajuk SL01A-SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang Ahli-Ahli Yang Berhormat kita membincangkan Tajuk SL01A - SL06A - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya kira Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun menunggu giliran dengan begitu sabar untuk memberikan mukadimah dan masa sudah tiba sekarang memberikan ruang berbuat demikian supaya kita mengetahui belanjawan dan hala tuju belanjawan kementeriannya. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dengan penuh hormat dan takzim, kaola merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Pengerusi di atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah. **الْحَمْدُ لِلَّهِ**, satu anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Rancangan Kemajuan Negara

tahun 2021/2022 berjumlah \$104,333,674.00 dengan perbelanjaan biasa \$85.3 Juta (\$85,343,250.00) dan Rancangan Kemajuan Negara hampir \$19 Juta (\$18,990,424.00) telah disediakan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, KKBS akan terus menggiatkan dan memantapkan pelaksanaan Pelan Strategik Kementerian 2020-2024 ke arah Bangsa Brunei Cemerlang.

Dalam kesempatan ini, setinggi penghargaan kepada rakan strategik; agensi kerajaan, Majlis Kebangsaan, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan, persekutuan, pergerakan belia dan sukarelawan, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan pihak swasta yang terus memberikan sumbangan dan impak yang sangat positif secara menyeluruh. Pencapaian *Whole of Nation* tersebut menunjukkan kesan dalam memperkasa semangat kesatuan, resilien dan budaya pemeduliaan orang Brunei dalam kebiasaan baharu. Ini sangat bertepatan dengan tema dan 3 fokus utama Belanjawan 2021/2022: "Ke Arah Pembangunan Sosio-Ekonomi Yang Resilien".

Yang Berhormat Pengerusi, KKBS akan meneruskan pelaksanaan inisiatif dengan berdasarkan tiga pendekatan iaitu Pengupayaan, Pemerksaan dan Penglibatan (P³). Inilah asas utama demi merealisasikan 5 matlamat jangka panjang KKBS iaitu Masyarakat Progresif; Belia Siaga Masa Depan; Negara Sukan Yang Gemilang, Budaya Dinamik dan Pengukuhan Warisan dan Persekitaran Kerja Inklusif dan Produktif.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengongsikan pencapaian tahun kewangan 2020/2021, perancangan dan pelan tindakan KKBS bagi tahun kewangan 2021/2022 di bawah 5 matlamat yang disebutkan tadi:

1. MEREALISASIKAN MASYARAKAT PROGRESIF

Sejumlah \$26.1 juta diperuntukkan bagi program pembangunan masyarakat termasuk penambah-baikkan prasarana melalui 3 inisiatif utama:

Pertama: Mengukuhkan Jaminan Sosial dan Perlindungan kepada Golongan Yang Memerlukan melalui Program Pelan Pembasmian Kemiskinan.

Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) diluluskan pada Julai 2020 menyatupadukan semua inisiatif pembasmian kemiskinan "*Whole of Nation*" dengan matlamat untuk memutus kitaran kemiskinan.

Pelan memfokuskan kepada penjanaan pendapatan yang mencukupi melalui kemahiran, pekerjaan dan keusahawanan bagi melahirkan masyarakat yang berdikari dan berdaya tahan. Sepanjang tahun 2020:

- 873 golongan susah dan orang kelainan upaya berjaya mendapat pekerjaan melalui kerjasama *Manpower Planning and*

Employment Council dan JobCentre Brunei. Pencapaian ini melebihi sasaran 500 orang bekerja sebagai petanda adanya perubahan minda di kalangan golongan sasaran.

- 350 golongan sasaran termasuk penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) dan berpendapatan rendah mengikuti latihan kemahiran dan keusahawanan dalam tempoh 3 tahun kebelakangan di bawah Program Komuniti. 2 perusahaan beroperasi iaitu *Mama's Tailor* di Pusat Penempatan Sementara Belimbing dan Syarikat Mazroni di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Terkini, latihan kemahiran jahitan dijalankan untuk 14 orang wanita dari Kg. Setia A.
- 77 buah rumah di bawah *Housing Focus Group* telah diserahkan kepada golongan kurang berkemampuan melalui Program *Quick-Win* dan program kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat. 216 keluarga di 3 buah daerah telah disediakan penempatan sementara. Pada 1 April 2021, kita akan menerima 8 unit perumahan tambahan di Daerah Belait daripada Kementerian Pembangunan bagi 34 orang ahli keluarga.
- Taklimat Pengurusan dan Celik Kewangan diberikan kepada

penerima BKB yang baharu ke arah Perubahan Minda dengan sasaran seramai 40 orang setiap bulan.

Kedua: Memastikan Tidak Adanya Ketirisan Kepada Golongan Berhak untuk diberikan bantuan.

Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang dilancarkan pada 15 Julai 2020 telah meningkatkan akses untuk membuat permohonan secara *online*. Kita membina pangkalan data yang membolehkan penganalisaan situasi sebenar secara terperinci mengenai jurang kemiskinan dan memastikan bantuan dihulurkan kepada mereka yang benar-benar layak.

Terkini, seramai 16,458 pemohon telah mendaftar dalam SKN. Dari jumlah tersebut, 11,026 telah membuat permohonan untuk mendapatkan Bantuan melalui JAPEM seramai 6,369 dan MUIB seramai 4,657. Di bawah JAPEM, 3,539 permohonan telah dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Menilai Permohonan dan 1,413 permohonan telah diluluskan bagi bantuan kewangan dan *in-kind*. Diakui kadar 60% *efficiency* proses permohonan adalah rendah, walau bagaimanapun, ianya adalah satu peningkatan dari 45% *efficiency* semasa SKN baru dimulakan. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, TPOR kita bagi setiap permohonan selesai diproses dalam tempoh 2 bulan.

Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) dihulurkan sejumlah \$12.4 Juta (\$12,359,240.00) kepada 12,509 penerima iaitu 4,944 ketua keluarga dan 7,565 tanggungan pada tahun kewangan 2020/2021.

Sejumlah \$319,040.00 dibelanjakan bagi bantuan darurat khususnya bantuan kebakaran, banjir dan tanah runtuh. Daripada jumlah ini, \$280,000.00 merupakan bantuan kewangan manakala \$39,040.00 bagi catuan makanan yang melibatkan lebih 700 buah rumah dan lebih 1,000 orang penghuni.

Sejumlah \$117.2 Juta dibelanjakan bagi Pencen Umur Tua kepada 39,890 penerima berbanding 37,313 pada tahun sebelumnya. Sejumlah \$10.9 Juta bagi Pencen Orang Buta, Elaun Bercelaru Mental, Pencen Hilang Upaya dan Elaun Kurang Upaya dihulurkan kepada 4,050 penerima, termasuk elaun tanggungan bagi 365 orang dengan perbelanjaan sebanyak \$61,030.00.

Pada dasarnya, lebih \$141 Juta setahun dihulurkan kepada 56,000 penerima BKB, Pencen Umur Tua, elaun-elaun setiap bulan dan Bantuan Darurat bagi kebakaran, banjir dan tanah runtuh.

Dari aspek kesejahteraan dan perlindungan kanak-kanak, Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak dilancarkan pada Disember 2020 dan fasa pertama *Register of Children and Young Person in Need of Protection* akan selesai pada April 2021. Di bawah Akta Pusat Penjagaan Kanak-kanak, 53 pusat

penjagaan kanak-kanak diberikan lesen. JAPEM menangani sejumlah 206 kanak-kanak yang *vulnerable* termasuk 50 kes perlindungan dan 14 kes pemulihan yang ditempatkan di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK). *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, Projek Pembinaan Rumah Perlindungan akan siap pada November 2021 bagi menempatkan 77 kanak-kanak.

Melalui Talian Kebajikan 141 dan Talian ANAK 121, lebih 16 Ribu panggilan diterima dari Januari 2020 hingga Januari 2021. Sebanyak 333 panggilan adalah berkaitan dengan aduan. Apa yang membimbangkan, 53 panggilan Talian ANAK 121 melibatkan kes seperti penderaan, pengabaian, hak penjagaan anak, dan kecuaiian pusat penjagaan kanak-kanak.

Ketiga: Memberikan Keutamaan kepada Pemerkasaan Masyarakat yang Inklusif dan Mampan.

KKBS terus memastikan semua golongan sasaran dipedulikan dan diperkasa melalui latihan kemahiran dan pengupayaan. Antara inisiatif yang dilaksanakan seperti berikut:

- Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya difokuskan kepada pembangunan, kesejahteraan, kebajikan dan sistem sokongan mesra. Satu pencapaian signifikan ialah penterjemahan Bahasa Isyarat Berita Perdana RTB mulai 1 Februari 2021.;
- Setakat ini seramai 117 OKU telah berdaftar di *JobCentre Brunei* dalam mana, 44 OKU mendapat pekerjaan. Kaji selidik 2019 oleh JAPEM

menunjukkan seramai 75 OKU bekerja di sektor awam dan 35 OKU di sektor swasta.; dan

- Sejumlah \$75,500.00 dihulurkan kepada 9 persatuan OKU untuk melaksanakan aktiviti kemasyarakatan termasuk pembangunan kapasiti. Fasiliti juga disediakan bagi Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya dan 4 Persatuan OKU. Persatuan OKU juga diperuntukkan sehingga \$1,000.00 sebulan bagi pembayaran air dan letrik bermula April 2020.;
- Melalui Pelan Tindakan Isu Warga Emas; Program Memeduli Warga Emas dilaksanakan setiap bulan secara turun padang ke rumah 119 warga emas bermula tahun 2020 bagi pemberian lampin pakai buang dan susu, membawa menghadiri perjanjian doktor dan pemberian pencen bagi yang berumur 100 tahun ke atas. Program Qaseh Amanah Warga Emas (QAWA) kendalian Persatuan BERSATU melibatkan para belia untuk turut memeduli dan mengelilingi 55 warga emas;
- Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) mencatat seramai 1,105 ahli seluruh negara dengan sasaran 1,500 ahli pada tahun ini. PKWE mengendalikan lebih 300 program dan aktiviti harian ke arah penuaan sihat. Pertubuhan WARGAMAS mencapai keramaian hampir 1,000 ahli dan akan diberikan bangunan pada Mei 2021.;
- Sejumlah \$124 Ribu (\$123,925.00)

diberikan kepada 37 persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan bagi menjalankan projek kemasyarakatan dan kesejahteraan;

- Contohnya, Majlis Perundingan Kampung Mengkubau dan *TeachMeGuru* telah memberi kelas tambahan percuma kepada murid yang kurang berkemampuan. Tahun 2020 merupakan tahun ketiga kerjasama tersebut bersama KKBS dan Pejabat Daerah Brunei Muara dalam pelaksanaan Program Curahan Ilmu bagi 44 pelajar dari 12 buah kampung. Pada tahun ini, Program akan dilaksanakan seiring dengan Program Mumtaz kendalian *TeachMeGuru* dengan menyasarkan 103 pelajar berpendapatan rendah termasuk penerima BKB dan MUIB dari 28 buah kampung.

KKBS akan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat melalui:

- Penyediaan *Social Blueprint* bersama Jabatan Perdana Menteri.;
- Revitalisasi Pusat Bahagia Brunei Muara.;
- Perkhidmatan Sajian Makanan dan Pengangkutan secara berkontrak di Kompleks Rumah Kebajikan dan Pusat Bahagia Brunei Muara.;
- Penyediaan bangunan Pusat Penempatan Sementara tambahan di Daerah Brunei Muara dan Daerah Belait.;

- Penyediaan bangunan bagi penempatan mangsa pemerdagangan orang.; dan
- Pengambilan 10 orang Pegawai Kerja Sosial.

- Pendidikan, Kebolehambilan Kerja dan Pekerjaan Wajar; dan
- Pemerkasaan Belia diambil tindakan.

2. MEREALISASIKAN BELIA SIAGA MASA DEPAN

Sejumlah \$14.6 juta diperuntukkan kepada program pembangunan kapasiti Belia termasuk Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 dan Garis panduan Sukarelawan yang dilancarkan pada Disember 2020 memberikan hala tuju ke arah transformasi belia terutama dari perspektif modal insan yang beridentitikan kebruneian. Kita berbangga kerana para belia berada di landasan betul dalam sama-sama memainkan peranan merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Sumbangan para belia amat ketara khususnya mencapai banyak kecemerlangan dan tampil ke hadapan di peringkat tempatan mahupun global.

Ke arah itu beberapa inisiatif telah dan akan dilaksanakan:

1. Pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Belia Negara & Strategi 2020-2035 mengikut 4 Strategi Teras iaitu:
 - Kerjasama Seluruh Negara;
 - Budaya Perpaduan;

Penubuhan Kumpulan Penasihat Belia diterajui sepenuhnya oleh belia sebagai mekanisme *check and balance* bagi memastikan pemantauan pelaksanaan dasar.

2. Memupuk semangat patriotisme dan menggalakkan perpaduan nasional di kalangan belia.

Usaha terus dilaksanakan bagi meningkatkan penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja dan semangat kekitaan melalui program pemerkasaan jati diri dan kesukarelawan. Dikongsikan pencapaian seperti berikut:

- Kita amat berbangga dengan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam kesukarelawan. Hampir 3,000 Kumpulan Sukarelawan Belia telah berdaftar dan memberikan khidmat bersama barisan hadapan bagi sama-sama menyumbang masa dan tenaga dalam menangani situasi *Covid-19* sehingga kini. Tahniah dan terima kasih atas sumbangan lebih 365 hari dan berterusan dengan moto: "Kita Berjuang Bersama".;

- 15,500 belia telah terlibat dalam 15 program pembentukan jati diri dengan kerjasama pelbagai agensi. Jumlah ini tidak meliputi program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh persatuan dan pergerakan belia secara persendirian dalam mana jumlahnya adalah lebih besar.;
3. Pendidikan, Kebolehbilangan Kerja dan Pekerjaan Wajar. Melalui kerjasama *MPEC*, *JobCentre Brunei* dan institusi pendidikan tinggi, kita mensejajarkan latihan kemahiran yang memfokus kepada meningkatkan kebolehpasaran (*marketability*).
- Pusat Pembangunan Belia (PPB) merekodkan seramai 3,470 pelatih belia telah memperolehi kemahiran di bawah Program Pembangunan Belia. Kebolehpasaran lepasan Pelatih PPB meningkat ke 71% pada tahun 2020 menunjukkan kualiti dan standard kursus yang selaras dengan kehendak industri dan usaha melalui perkongsian strategik.;
 - PPB juga meluaskan skop latihan kepada komuniti khususnya golongan sasaran termasuk Majlis Perundingan Kampung (MPK). 557 warga komuniti mengikuti latihan kemahiran dari tahun 2019 hingga 2020. PPB dengan kerjasama *MPEC* dan pihak industri juga telah melaksanakan program baharu, program penyembelihan dan *butchering* baru-baru ini. Daripada 8 peserta, 5 telah bekerja.;
 - Hampir \$30,000.00 bantuan kewangan *micro grant* dihulurkan dalam tempoh 2 tahun kepada 25 pengusaha belia yang mengikuti Program Inkubator Keusahawanan dengan penubuhan 6 buah syarikat perusahaan dan pekerjaan kepada 24 anak tempatan dalam pelbagai bidang seperti tekstil, jahitan, automotif, penggayaan rambut lelaki dan kecantikan dengan menjana pendapatan kira-kira \$60,000.00.;
 - Program Pertanian dan Perladangan PPB telah melahirkan 11 syarikat yang mengusahakan tanaman padi, sayur dan buah-buahan. 5 belia yang mengusahakan 10 hektar ladang padi di Kawasan Kemajuan Pertanian Wasan telah berjaya menghasilkan sebanyak 35 tan padi bagi musim penuaian kali keempat yang terkini.;
 - Dalam bidang perusahaan tekstil dan jahitan, terdapat 3 syarikat iaitu Syarikat Cerita

Fabrikku, Syarikat Aestetika dan *Gentlemen Stitch* di bawah Program Inkubator Keusahawanan Belia. Dikongsikan, Syarikat Cerita Fabrikku diusahakan oleh 5 Belia dan 17 pekerja belia tempatan telah mengeluarkan hampir 25,000 baju untuk dieksport dan pasaran tempatan dengan pendapatan lebih \$37 Ribu.

4. Pemeraksanaan Belia. Antara pencapaian yang diraih adalah:

- \$146,000.00 bantuan kewangan dihulurkan kepada 29 persatuan dan pergerakan belia bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti pembangunan kapasiti dan keusahawanan dalam 2 tahun kebelakangan;
- \$171,000.00 diperuntukkan kepada 102 buah program dan aktiviti berkaitan dengan pembangunan kapasiti di peringkat daerah, kebangsaan mahupun antarabangsa;
- Pusat Belia Daerah Brunei Muara dan Tutong dinaik taraf sebagai hab aktiviti pembangunan belia dan keusahawanan. Program penaiktarafan ini akan dilaratkan ke daerah Belait dan Temburong. Sekitar 125,000 pengguna telah direkodkan bagi Pusat Belia di keempat daerah; dan
- Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dengan *moto* "Bersedia, Berkhidmat, Berbakti" membentuk 3,177 belia yang patriotik, berjati diri dan ketahanan rohani dan jasmani. Dari jumlah ini, 1,126 mendapat pekerjaan, 785 melanjutkan pelajaran dan 19 berusaha secara bersendirian. Hasil kaji selidik menunjukkan bahawa 90% ibu bapa pelatih berpandangan PKBN sebagai satu program yang sangat berkesan dan perlu diteruskan. Pihak swasta juga lebih cenderung kepada lepasan PKBN.

KKBS akan meningkatkan kualiti pembentukan jati diri dan modal insan melalui:

- Pengemaskinian fungsi Pusat Pembangunan Belia sebagai hab latihan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat untuk belia dan komuniti.;
- Meluaskan skop PKBN melalui penubuhan Akademi Belia sebagai rangkaian pemimpin belia tempatan dan serantau, dan juga sebagai hab komuniti.;
- Program Inkubator Keusahawanan Belia akan dipertingkatkan dan dilaratkan ke setiap daerah. Mengembangkan aktiviti keusahawanan termasuk industri

kreatif dan membukakan peluang *business-startups*;

- Pemberian *micro grant* Pembangunan Keusahawanan Belia disasarkan kepada 20 pengusaha belia.
- Peningkatan pelaksanaan program berimpak tinggi diterajui para belia. Sebagai contoh *Young Professional Network (YPN)* akan melaksanakan 34 program dalam bidang pekerjaan, *mentorship* dan kepimpinan;
- Penyediaan tambahan 10 hektar bidang tanah bagi penanaman padi oleh belia di Kampong Batong; dan
- Pelancaran Sistem Aplikasi Sukarelawan yang disasarkan pada bulan Ogos 2021.

3. MEREALISASIKAN BUDAYA DINAMIK DAN PENGUKUHAN WARISAN.

Sejumlah \$35.6 juta diperuntukkan kepada program meningkatkan kesedaran dan kefahaman warisan budaya bangsa dan negara termasuk penambahbaikan prasarana melalui pelestarian budaya, warisan dan sejarah seperti berikut:

- i. Memartabatkan bahasa Melayu dan tulisan Jawi.

Bagi mengukuhkan pemartabatan bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan

meningkatkan program seperti pewujudan gelar Wira Bahasa; Mengangkat Hab Sastera dan karya kreatif penulis tanah air; Pemberian Anugerah Sasterawan Brunei; dan Pementasan teater dan drama Melayu.;

- ii. Meningkatkan kefahaman sejarah dan warisan; dan

- iii. Memaksimumkan penggunaan aplikasi pintar dan teknologi digital:

- DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka) memperkenalkan pembayaran dalam talian pada 1 Julai 2020 melalui aplikasi BIBD dan perbankan digital, ianya akan dilartkan kepada Jabatan Muzium-Muzium dan Pusat Sejarah Brunei.

- Dewan Bahasa dan Pustaka juga membukakan perkhidmatan tulisan Jawi melalui dalam talian. Sebanyak 1,150 permohonan dengan hasil sebanyak \$16,925.

- Muzium Alat Kebesaran Diraja dilengkapi dengan kemudahan *audio visual melalui* kerjasama Kementerian Sumber- Sumber Utama dan Pelancongan. Ini akan dilartkan ke galeri yang lain. 63 Ribu pengunjung muzium, galeri dan tapak arkeologi dicatatkan berbanding 307 Ribu pada tahun 2019. Walau

bagaimanapun, kekurangan pengunjung secara fizikal ditampung dengan perkhidmatan secara maya. Lebih 547,000 pelawat melayari laman sesawang dan media sosial Pusat Sejarah Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Muzium-Muzium.

4. MEREALISASIKAN NEGARA SUKAN YANG GEMILANG.

Sebanyak \$21.8 Juta telah diperuntukkan bagi pembangunan perkembangan sukan termasuk penambahbaikan prasarana.

Antara pencapaian pembangunan sukan seperti berikut:

- Pengkajian semula program rintis Akademi Sukan 2015-2019 kepada program baharu, Program Pingat Sukan SEA dengan matlamat bagi memantapkan ekosistem sukan prestasi tinggi. Kita mengenal pasti 5 sasaran sukan berprestasi tinggi dan 20 atlet skim yang berpotensi untuk menjalani program pengupayaan bagi meningkatkan prestasi, kemahiran dan kebolehan;
- Mereviu Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan bagi penyelarasan kadar ganjaran kemenangan mengikut taraf sukan.
- Pemberian Biasiswa Sukan pertama melalui Skim Biasiswa

Khas, Kementerian Pendidikan dalam Bidang Sukan di bawah inisiatif Dasar Sukan Negara kepada atlet Wushu Dayang Basma binti Lachkar untuk melanjutkan pelajaran di JIS sebagai insentif pencapaian kecemerlangan tinggi sukan dan akademik.; dan

- Pencapaian Awang Mohd Zulkarnain bin Haji Mohd Zulkifli yang menjadi e-atlet profesional di negara jiran.

Kementerian akan meningkatkan kualiti dan prestasi atlet, kejurulatihan dan prasarana sukan melalui:

- Penubuhan *Brunei Institute of Sports* .; dan
- Menggalakkan insentif pertumbuhan industri sukan rekreasi dan pelancongan.

5. MEREALISASIKAN PERSEKITARAN KERJA INKLUSIF DAN PRODUKTIF.

Hala tuju Kementerian ialah untuk:

- Membudayakan nilai teras iaitu Klien didahulukan; Profesionalisme; Kecemerlangan; Integriti; dan Kerjasama;
- Meningkatkan usaha pengoptimuman kemudahan dan fasiliti melalui pendekatan *PPP* atau *outsourcing* di bawah *Fiscal Consolidation Programme*. Kita

akan meneliti aset-aset lain yang berpotensi untuk diswastakan seperti *Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD)*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sukacita mengongsikan status pelaksanaan projek KKBS di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) kesebelas (11):

1. Menaik taraf dan Pengubahsuaian Stadium Negara Hassanal Bolkiah telah bermula dijangka siap pertengahan tahun 2022.;
2. Menaik taraf Muzium Brunei tawaran telah ditutup dan penilaian tawaran selesai pada 1 April 2021.;
3. Pembinaan Rumah Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan sudah bermula; dijangka siap pada November ini.
4. Menaik taraf Bangunan Galeri Seni sedang dalam pembinaan dan projek penaiktarafan siap pada November ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dari aspek kepengerusian ASEAN tahun ini, KKBS bersama kementerian lain, sama-sama menyumbang dan menjayakan persediaan dan pelaksanaan khususnya di bawah Tunggak Komuniti Sosio-Budaya *ASEAN* atau *ASCC*), dikenali sebagai "*Peoples' Pillar*".

Tunggak ini merangkumi 15 badan sektoral *ASCC* yang meliputi kebajikan sosial, kesihatan, bencana alam, alam sekitar, kebudayaan, maklumat, belia, sukan dan isu-isu kesejahteraan golongan sasaran seperti orang kelainan upaya, kanak-kanak, wanita dan warga emas, di rantau ASEAN. Fokus ini bertepatan dengan situasi global dan selaras dengan tema "*We Care, We Prepare, We Prosper*".

Ke arah ini, usaha akan terus giat dilaksanakan ke arah meningkatkan kedayatahan dan kelestarian masyarakat sebagai *deliverables* khususnya dalam menangani cabaran akibat *COVID-19*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ, dengan peruntukan yang diluluskan, kita memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemah. Kementerian akan terus proaktif dan amat mengharapkan kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku pemimpin akar umbi dan secara *whole of nation* untuk memperkukuhkan lagi usaha menjalin kerjasama dengan masyarakat demi mencapai matlamat Negara Brunei Darussalam iaitu 'Bangsa Brunei Cemerlang.' Demikianlah sahaja dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar mukadimah yang telah

dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebentar tadi yang merupakan mengandungi fakta-fakta yang cukup terang, jelas dan terperinci berhubung dengan hala tuju dan perancangan kementerian. Saya mempunyai satu senarai yang agak panjang daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan tajuk ini. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dengan perasaan bangga kaola menyambut baik dan mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mukadimah yang baru dibentangkan dengan pencapaian-pencapaian yang positif. Kaola hanya ingin menyentuh satu perkara iaitu mengenai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Kaola mengambil baik akan kesemua usaha pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada pelaksanaan Program PKBN tersebut yang diadakan pada setiap tahun.

Soalan kaola:

1. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bagaimanakah sambutan anak-anak kitani dan

apakah statistik jumlah keseluruhan pelatih yang telah tamat Program PKBN?; dan

2. Pengambilan Program PKBN buat masa ini hanya dijalankan sekali setahun mengambil kira pengangguran yang tinggi di negara ini dan anak-anak muda kitani yang mempunyai masa yang banyak sambil menunggu pekerjaan. Adakah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai rancangan untuk meningkatkan lagi pengambilan program PKBN tersebut?

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat tadi atas dua soalan:

1. Sambutan para belia mengenai program PKBN.; dan
2. Rancangan dalam meningkatkan lagi pengambilan PKBN.

اللَّهُمَّ kitani menyambut baik dan kaola ingin mengongsikan bahawa pada tahun 2020 telah merekodkan jumlah pendaftaran yang tertinggi sejak penubuhan program PKBN yang seramai 519 pendaftaran belia. Ini menunjukkan sambutan yang berterusan dan minat dalam kalangan belia di samping sokongan ibu bapa. Walau bagaimanapun, jumlah penyertaan

disebabkan situasi *COVID-19* hanya dihadkan kepada 250 orang sahaja yang dapat mengikuti program PKBN bagi pengambilan kesepuluh. Kaola ingin mengkongsikan sedikit barangkali perasaan biskaola mengenai program PKBN ini. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** sepertimana juga semasa latihan PKBN atau upacara perbarisan tamat latihan PKBN pada 10 Mac 2021.

Kaola ingin membawa dan mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang inti pati titah melihat bahawa pelatih PKBN sebagai contoh modal insan yang berkualiti, mereka gigih dan berani tampil untuk berbakti, benar-benar membawa imej yang baik selaku bangsa dan negara merdeka yang tidak mahu duduk diam tanpa berkhidmat. Jadi, syukur **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** bahawa program PKBN ini menunjukkan landasan yang betul.

Pada masa yang sama, kitani menyambut baik dalam keratan akhbar "Borneo Bulletin" baru-baru ini pada 2020 Mac, para pelatih-pelatih mengkongsikan pengalaman dan memberikan maklum balas bahawa program ini telah memperkasa diri mereka ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035 untuk menjadi pemimpin yang terbaik bagi masyarakat dan yang paling penting telah memperbaiki keperibadian untuk menjadi lebih baik. Jadi, dalam menjawab persoalan yang kedua, berkenaan dengan rancangan bagi meningkatkan lagi pengambilan PKBN memanglah wajar untuk kita

melihat apakah hala tuju bagi PKBN seterusnya.

Jadinya, di sini biskaola mengongsikan bahawa pihak PKBN telah pun membuat penelitian:

1. Hasil daripada penelitian tersebut, beberapa pertimbangan boleh dilaksanakan. Ada empat iaitu:
 - i. Jumlah pelatih untuk mengikuti program PKBN dalam satu masa untuk dipertingkatkan sehingga 700 orang berdasarkan kepada kapasiti. Walau bagaimanapun, kitani melihat cabaran yang akan dihadapi ialah memerlukan jumlah jurulatih yang tinggi dan berkemahiran.;
 - ii. Dalam masa yang sama juga, kajian telah pun dibuat untuk mengadakan latihan dua kali setahun, pernah dibuat akan tetapi ia tidak *lost effective* memandangkan keramaian pelatih pada tahap yang rendah disebabkan oleh komitmen persekolahan kerana kebanyakan pelatih-pelatih ini adalah anak-anak sekolah ataupun lepasan 'O' Level atau 'A' Level.;
 - iii. Untuk merancang bagi membukakan peluang lebih ramai belia untuk mengikuti program - program pengukuhan jati diri dan

kepimpinan melalui dua kaedah:

- a. Menawarkan kursus jangka pendek bagi pengukuhan jati diri; dan
- b. Penubuhan Akademi Belia sebagai rangkaian pemimpin belia tempatan dan serantau.;
- iv. Mengadakan latihan secara berterusan kepada alumni PKBN dan skop yang lebih luas selain *refresher course*; dan
- v. PKBN untuk membukakan sebagai *hub community* dalam melaksanakan pelbagai jenis latihan dan kursus dengan bekerjasama dengan *OBBD*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ biskaola akan terus melaksanakan program peningkatan khususnya dalam pengambilan PKBN atau apa juga kursus jangka masa pendek dalam meningkatkan lagi jati diri para belia secara berperingkat-peringkat. إِنْ شَاءَ اللَّهُ Biskaola juga mengalu-alukan bagi penggunaan fasiliti kemudahan Khidmat Bakti Negara ini untuk dimaksimumkan oleh agensi-agensi lain dalam mengukuhkan program jati diri. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon: Terima Kasih, Yang Berhormat Pengerusi. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Salam sejahtera, kaola ingin membawa satu perkara sahaja berkaitan di bawah Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Yang Berhormat Pengerusi, di bawah Kod Akaun 002-000 - Program Perkhidmatan Bantuan Am dan Memperkasa Penerima Bantuan Kebajikan, pihak jabatan berhasrat untuk membantu golongan kurang upaya *vulnerable group* bagi mendapatkan pekerjaan serta menggalakkan budaya keusahawanan dari kalangan terima bantuan dan belia yang tidak bersekolah supaya dapat lebih berdikari. Walau bagaimanapun, kaola mendapati bawah Kod Akaun 002/006 - Pelaksanaan Kursus Dan Latihan Kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan dan Kod Akaun 002/007 - Program Bantuan Keusahawanan tiada suntikan peruntukan diberikan bagi membiayai kursus dan latihan kemahiran bagi Tahun Kewangan 2021/2022. Soalan kaola ialah:

1. Dengan tiada peruntukan diberikan, adakah kursus dan latihan kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan dan program bantuan keusahawanan akan terus dilaksanakan pada tahun kewangan ini; dan
2. Jika tidak, apakah usaha lain Jabatan Pembangunan Masyarakat bagi mencapai sasaran sebanyak 67% penerima bantuan yang mendapat pekerjaan sepertimana dihasratkan dalam Petunjuk Prestasi Utama

jabatan ini. Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat atas pertanyaan mengenai peruntukan kewangan bagi pelaksanaan kursus dan latihan kemahiran serta program bantuan keusahawanan. Adakah program ini akan dilaksanakan. Untuk menjawabnya **اللَّهُمَّ** peruntukan kewangan sejumlah \$170,000.00 bagi pelaksanaan kursus dan latihan kemahiran serta program bantuan keusahawanan akan diperuntukkan dan dilaksanakan melalui peruntukan di bawah Kod Akaun 002/002 - Bantuan Kebajikan Am dalam Tahun Kewangan 2021/2022 nanti.

Untuk makluman, Kod Akaun 002/002 - Program Bantuan Kebajikan Am adalah penyatuan dari peruntukkan Kod Akaun 002/006 - Pelaksanaan Kursus Dan Latihan Kemahiran untuk mendapatkan pekerjaan dan Kod Akaun 002/007 - Program Bantuan Keusahawanan. Penyatuan ini, sebenarnya bertujuan untuk memastikan peruntukan akan digunakan dengan lebih optimum dan efisien. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** sebagaimana juga diutarakan dalam mukadimah kaola tadi kementerian telah dan akan terus melaksanakan program latihan kemahiran bagi meningkatkan kebolehpasaran masyarakat dan program-program bantuan keusahawanan khususnya kepada

golongan sasaran dan *vulnerable* seperti lazimnya. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi:

Seterusnya saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola, Yang Berhormat Pengerusi ingin menyentuh di bawah Tajuk SL024 - Dewan Bahasa dan Pustaka. Kaola sukacita menyentuh berkenaan fungsi dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka di Negara Brunei Darussalam yang antaranya mengembangkan budaya ilmu dan membaca dalam kalangan masyarakat. Selain itu, mengembangkan dan memajukan bahasa dan sastera Melayu dan menerbitkan, membukukan dan menyediakan bahan-bahan budaya. Sepertimana juga kita ketahui bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka juga bergiat aktif dalam mengungkuhkan beberapa program dan aktiviti kepada kana-kanak dan belia terutama sekali pada musim cuti persekolahan.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin bertanya:

1. Sejauh ini, apakah ada program-program dan aktiviti-aktiviti dianjurkan bagi mendedahkan 7 puak penduduk Brunei dan termasuklah memperkenalkan warisan sejarah dan budaya

mengenali dan mengajar sedikit sebanyak bahasa dialek 7 puak berkenaan kepada kanak-kanak dan generasi muda?; dan

2. Apakah ada Akta tertentu di bawah tanggungjawab Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memertabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara Brunei Darussalam?

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas 2 pertanyaan. Pertama, mengenai program dan aktiviti 7 puak Brunei dan yang kedua berkenaan Akta bagi memartabatkan Bahasa Melayu.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah *custodian* ataupun penjaga warisan antaranya adalah untuk meletakkan kepentingan 7 puak dalam pembangunan negara dan mementingkan penjagaan warisan budaya ketara dan tidak ketara. Ke arah ini kita akan terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi memperkenalkan dan mendedahkan 7 puak Brunei menerusi kegiatan-kegiatan. Dikongsikan antara kegiatan yang menjurus kepada kanak-kanak dan generasi muda yang telah dilaksanakan, sebagai misalnya:

1. Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka melaksanakan kegiatan-

kegiatan yang berkaitan dengan pelestarian warisan bahasa dan budaya melalui aktiviti cuti persekolahan seperti Bengkel Dialek Tutong dan Bisaya, mengenal warisan seperti pakaian, budaya, kraftangan dan masakan dalam kalangan muda-mudi dan kanak-kanak.

Dalam masa yang sama juga, Bahagian Kebudayaan dan Kesenian juga mengadakan Festival Kebudayaan bermula pada tahun 2013 dengan tema yang berbeza-beza yang melibatkan semua 7 puak kitani seperti berikut:

- i. Pada tahun 2019 bertemakan: "Alat Muzik Tradisional".;
- ii. Pada tahun 2015 bertemakan: "Adat Resam".; dan
- iii. Pada tahun 2013 bertemakan: "Festival Perkahwinan".

Kaola juga ingin mengongsikan dalam kita turut sama menjaga warisan budaya khususnya mengenai 7 puak Brunei, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka juga melaksanakan seperti merekodkan inventori warisan budaya mengenai 7 puak Brunei yang sehingga kini terdapat 259 *entry* telah direkodkan dan jumlah ini akan meningkat dari masa ke masa.

Daftar dialek 7 puak telah pun siap dan diterbitkan pada tahun 2011. Dikongsikan antara inisiatif melestarikan warisan 7 puak jati

Brunei juga adalah penerbitan buku bersiri yang menghimpunkan keaslian 30 masakan dari 7 puak di Negara Brunei Darussalam. Buku bersiri ini diterbitkan secara berperingkat dan siri pertama buku adalah mengenai masakan Puak Kedayan berjudul 'Dapur Bohani' dan koleksi seterusnya mengenai masakan Puak Melayu Brunei, Tutong, Belait, Dusun, Murut dan Bisaya. Perkara yang penting juga dalam usaha melestarikan dialek 7 puak jati Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan beberapa buah kamus mengenai dialek dalam bentuk buku dan pada masa ini sedang mengusahakan penerbitan e-Kamus bermula dari puak Melayu Brunei. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan semua aktiviti-aktiviti ini akan meningkatkan kefahaman dan pengetahuan kepada masyarakat khususnya kepada kanak-kanak dan generasi muda, kita amat yakin.; dan

2. Mengenai Akta, kaola ingin mengimbas yang pertama sekali dimaklumkan pada masa ini belum ada akta yang digubal di bawah tanggungjawab Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya memertabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara Brunei Darussalam. Kaola mohon keizinan mengimbas dengan merujuk laporan Majlis Mesyuarat Negara yang Kelima Belas pada tahun 2019, Majlis Mesyuarat Negara telah menekankan bahawa Perlembagaan Negara Brunei 1959 merupakan undang-undang tertinggi bahawa Bahasa Melayu telah

termaktub dalam Bab 82 (1) dan (2) sebagai Bahasa Rasmi Negara dan tidak timbul untuk membuat undang-undang lain.

Ke arah tersebut kita turut berpandangan bahawa pembentukan akta tidak diperlukan dan memadai dengan kedudukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Negara Brunei 1959.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** **وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Menerusi pembentangan yang jelas dan terperinci daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebentar tadi mengenai hasil pencapaian bidang inisiatif sektor kesukanan yang difokuskan kepada pencapaian negara sukan yang gemilang dengan peruntukan \$21.8 juta amat jelas dan sesuai dengan peruntukan.

Sehubungan itu, kaola tidak perlu lagi bertanya-tanya, kaola hanya mengemukakan cadangan sahaja iaitu supaya jabatan ini dapat mengadakan satu perkumpulan bagi majlis

penghargaan kepada atlet-atlet veteran yang pernah mengharumkan nama negara suatu ketika dahulu seperti lari pecut negara, atlet tinju dalam Sukan Borneo, Sukan Merdeka dan sukan luar negara yang lainnya. Menerusi dalam majlis ini para atlet veteran ini boleh berkongsi pengalaman dengan atlet-atlet baharu bagaimana kejayaan boleh tercapai, namun pada waktu itu mereka tidak mempunyai kemudahan seperti sekarang, sekian sahaja.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas pandangan dan cadangan khusus dalam menghargai para atlet veteran kita dengan cadangan bagi kita mengadakan majlis penghargaan. Majlis Penghargaan melalui perkumpulan bagi atlet-atlet veteran. Kaola menyambut baik cadangan yang telah pun diutarakan oleh Yang Berhormat tadi dan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan melihat perkara ini dengan sedalam-dalamnya untuk melaksanakan dalam masa yang terdekat ini. Barangkali perlu kaola kongsi bahawa kitani amat menghargai sumbangan yang telah pun diberikan oleh atlet-atlet veteran kitani. Sepertimana, yang kitani ketahui, bahawa para atlet veteran kitani telah banyak menyumbang dan mengharumkan nama negara sebagai misalan, semasa *ASEAN Para Game 2017* para atlet veteran kitani pada 2 tahun yang lepas telah pun mengadakan Kejohanan Sukan Atlet

Veteran di Negara Brunei Darussalam pada 2 tahun yang lepas. Mereka telah pun menyumbangkan pingat kepada Negara Brunei Darussalam. Wajarliah penghargaan diberikan kepada para atlet veteran kitani. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan dilaksanakan, diteliti dan untuk dilaksanakan dengan sebaik mungkin **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Sekian, terima kasih atas cadangan tersebut Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dulu kita bersidang di Peringkat Jawatankuasa ini dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira adalah berpatutan sekarang bagi kita untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada petang hari ini iaitu mulai pukul 2.30 petang sebagaimana lazimnya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)